

Akan jadi sebahagian reka bentuk, tarikan pelancong

RoL kekalkan bangunan warisan

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 Dis. - Bangunan-bangunan lama di kawasan projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL), Greater Kuala Lumpur-Lembah Klang tidak akan terjejas, malah ia akan menjadi lengkap dan sebahagian daripada reka bentuk projek berkenaan.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, bangunan-bangunan berkenaan mempunyai nilai warisan akan dikekalkan dan dijadikan sebahagian daripada daya tarikan pelancong.

Menurutnya, apabila kawasan sungai seperti di Masjid Jamek sudah diindahkan, kerajaan akan menggalakkan pemilik bangunan yang terlibat untuk bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengindahkan bangunan lama tersebut.

“Mungkin kita akan memberi syarat tertentu dan mereka tidak akan rugi kerana apabila bangunan itu sudah menghadap sungai yang cantik dan bersih, bangunan yang kini bernilai rendah mungkin akan meningkat nilainya sehingga dua



RAJA Nong Chik Raja Zainal Abidin (dua kiri) menyatakan sesuatu kepada Jurutera Bahagian Implimentasi, Ahmad Rozian Othman (kiri) semasa melawat salah satu tapak projek Sungai Nadi Kehidupan iaitu di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang berhampiran Masjid Jamek Kuala Lumpur, kelmarin.

kali ganda.

“Sungai ini akan ditukarkan supaya menjadi tempat untuk be-

rehat dan beriadah sambil menikmati pemandangan yang indah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan tapak projek RoL di Kolam Tadahan Batu; Medan

Selera Bunga Tanjung, Ampang; Loji Rawatan Kumbahan Bunus, Taman Tasik Titiwangsa dan Masjid Jamek, semalam.

Turut hadir, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Unggah Embas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail

Sementara itu, Raja Nong Chik berkata, projek di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dijangka siap dalam masa 10 tahun itu melibatkan pembersihan Sungai Klang sepanjang 110 kilometer.

Menurutnya, kerja-kerja mengindahkan sungai kini berada pada peringkat permulaan, namun dari segi perkembangan keseluruhan projek, ia mengikut jadual.

“Kita akan nampak perubahan khususnya di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang sekurang-kurangnya dalam masa lima tahun di kawasan sepanjang 10.7 kilometer.

“Projek ini akan memberi manfaat kepada rakyat kerana dapat menyediakan persekitaran yang bersih dan lebih selesa untuk mereka beriadah,” ujarinya.